



10 Oktober 2017
10 October 2017
P.U. (A) 308

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (KELAKUAN DAN TATATERTIB) (PINDAAN) 2017

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA OFFICERS (CONDUCT AND DISCIPLINE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TABUNG ANGKATAN TENTERA 1973

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 22A Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 [*Akta 101*], Lembaga, dengan persetujuan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pegawai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2017**.

Pindaan peraturan 3

2. Peraturan-Peraturan Pegawai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (Kelakuan dan Tatatertib) 1996 [*P.U. (A) 352/1996*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3—

- (a) dengan menggantikan takrif “Ketua Bahagian” dengan takrif yang berikut:

‘ “Ketua Jabatan” ertinya pegawai yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sesuatu Jabatan;’

- (b) dalam takrif “Pegawai Kumpulan A”, dengan menggantikan perkataan “21” dengan perkataan “27”;

- (c) dalam takrif “Pegawai Kumpulan B”, dengan menggantikan perkataan “19” dengan perkataan “26”; dan

- (d) dengan menggantikan takrif “Pengerusi” dengan takrif yang berikut:

‘ “Pengerusi Lembaga” ertinya Pengerusi Lembaga yang disebut dalam perenggan 4(3)(a) Akta;’.

Pindaan peraturan 4

3. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perenggan (a) dan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(a) bagi pegawai Kumpulan A—

- (i) Timbalan Pengerusi Lembaga sebagai Pengerusi;
- (ii) dua orang ahli Lembaga yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga;
- (iii) Ketua Eksekutif; dan
- (iv) Timbalan Ketua Eksekutif yang hendaklah menjadi Setiausaha; dan

(b) bagi pegawai Kumpulan B—

- (i) Ketua Eksekutif sebagai Pengerusi;
- (ii) Timbalan Ketua Eksekutif; dan
- (iii) seorang pegawai gred 29 yang hendaklah menjadi Setiausaha.”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Dalam hal mana-mana orang yang diperihalkan dalam subperenggan 4(1)(a)(iv), 4(1)(b)(ii) dan (iii) tertakluk kepada tindakan tatatertib, pegawai lain

yang lebih kanan daripadanya atau mana-mana ahli Lembaga lain hendaklah dilantik oleh Pengerusi Lembaga untuk mengambil tempat orang yang tertakluk kepada tindakan tatatertib itu.”.

Peraturan baru 10A

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 10 peraturan yang berikut:

“Gangguan seksual 10A. (1) Seseorang pegawai tidak boleh melakukan gangguan seksual terhadap orang lain, iaitu, seseorang pegawai tidak boleh—

- (a) membuat cubaan untuk merapati orang lain secara seksual;
- (b) meminta layanan seksual daripada orang lain; atau
- (c) melakukan apa-apa perbuatan yang bersifat seksual terhadap orang lain, dalam keadaan yang, setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(c), “perbuatan yang bersifat seksual” ertinya—

- (a) perbuatan membuat sesuatu pernyataan yang bersifat seksual

kepada, atau di hadapan, orang lain itu, sama ada pernyataan itu dibuat secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain;

(b) perbuatan yang dibuat pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat; dan

(c) perbuatan yang memburukkan atau mencemarkan nama Lembaga.”.

Pindaan am

5. Peraturan 14, 17, 19, 20, 27, 28, 39, 43, 55 dan 56 dipinda dengan menggantikan perkataan “Ketua Bahagian” dengan perkataan “Ketua Jabatan” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan peraturan 16

6. Peraturan 16 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Buku Perkhidmatan” dengan “Rekod Perkhidmatan”;

(b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa tata tertib” dengan perkataan “Ketua Eksekutif”;

(c) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa tata tertib” dengan perkataan “Ketua Eksekutif”;

(d) dalam subperaturan (4)—

(i) dengan menggantikan perkataan “pihak berkuasa tata tertib” dengan perkataan “Ketua Eksekutif”;